

## Mak Nyah dan Perkembangannya di Malaysia

### *Mak Nyah and Their Existence in Malaysia*

**Muhammad Adam Abd. Azid<sup>1</sup>, Nur Syuhada Mohd Subri<sup>2</sup> & Khadher Ahmad<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: adamsaifulislam@gmail.com.

<sup>2</sup> (Corresponding Author) Department of Al-Quran dan Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: syuhadasubri91@gmail.com.

<sup>3</sup> Department of Al-Quran dan Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: khadher82@um.edu.my.

### ABSTRAK

Mak nyah merujuk kepada seseorang yang tidak menginginkan kepada pengesahan jantina melalui intervensi perubatan atau seseorang yang menganggap bahawa mereka terjatuh antara dua jantina. Golongan ini pada permulaannya adalah bersifat individu dan dikategorikan sebagai penyakit psikologi. Namun, pada akhir-akhir ini, telah berlaku anjakan paradigma dalam kalangan golongan ini sehingga membentuk organisasi dan ideologi tersendiri di Malaysia. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menelusuri perkembangan golongan mak nyah di Malaysia bermula daripada permulaannya sehingga membentuk ideologi dan organisasi yang tersendiri. Kajian ini juga akan meneliti aktiviti-aktiviti yang dilakukan serta tuntutan-tuntutan yang diminta oleh gerakan mak nyah ini. Kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapat, berlaku perkembangan yang ketara terhadap jumlah golongan mak nyah di Malaysia. Perkembangan ini juga turut dipengaruhi oleh organisasi mereka yang bergerak aktif menyebarkan ideologi dan menuntut hak-hak mereka dalam komuniti. Justeru, senario ini perlu diberi perhatian dan tindakan segera oleh pihak kerajaan bagi membasmi serta mengekang perkembangan golongan mak nyah di Malaysia.

**Kata Kunci:** Gender; Mak Nyah; LGBT; Transgenderisme

---

### ABSTRACT

*Mak nyah refers to those who do not want to get any gender verification through medical intervention, or those who think that they are trapped between two sexes. This group, initially known as an individual matter and was categorised as a psychological disorder. However, lately, there has been a paradigm shift among these groups to establish their organisation and ideology in Malaysia. Therefore, this study aims to investigate the existence of mak nyah community in Malaysia from*

*their first establishment until the formation of its ideology and organisation. This study also analyses the activities that were organised by them and their demands. The study applies qualitative methods through library research and document analysis. The result shows that there is a significant increase in the number of mak nyah in Malaysia. The alarming rate of mak nyah was influenced by their organisations that were actively spreading their ideologies and demanding their rights in the community. This scenario needs to be given attention and immediate action by the government to eradicate and prevent the rising of the population of mak nyah in Malaysia.*

**Keywords:** Gender; Mak Nyah; LGBT; Transgenderism

---

## 1. Pendahuluan

Realiti semasa Malaysia menunjukkan komuniti transgender yang dipanggil sebagai ‘lelaki lembut’ ini turut dikenali juga dengan istilah ‘male femailing’, ‘male efiminet’, ‘mak nyah’, ‘bapok’, ‘male transexual’ dan ‘pondan’ (Amran, et. al, 2013). Gejala ini semakin menular tidak hanya terbatas kepada remaja–remaja yang berpeleseran bahkan turut melanda alam kampus yang menyebabkan lahirnya ramai mahasiswa lelaki lembut sehingga menjadi sebuah *trend* (Hayati dan Hudani, 2015).

Kajian oleh Chang et. al. (2012) mendapati bahawa, aktivis menganggarkan terdapat sekitar 100,000 transeksual di Malaysia. Manakala, Mohd Izwan pula menyatakan bahawa rekod golongan transgender di Malaysia pada 2018 meningkat kepada 30,000 individu berbanding 10,000 pada tahun 1988 (Audrey, 2019). Tambahan pula, kajian oleh Teh Yik dalam artikel Mardziana & Mimi (2014) menunjukkan bahawa 70 hingga 80 peratus merupakan bangsa Melayu daripada 100,000 anggaran orang lelaki transeksual di Malaysia. Selebihnya adalah bangsa Cina dan India. Lebih malang lagi apabila kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada kalangan Muslim. Walhal agama Islam merupakan agama rasmi Negara dan satu-satunya agama yang mempunyai peraturan agama yang menentang perlakuan komuniti ini (Chang, et. al, 2012).

Situasi ini secara jelas bertentangan dengan hadith Nabi Muhammad SAW berkenaan perihal larangan menyerupai berlainan jantina asal.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ  
بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: Dari Ibn ‘Abbās RA berkata: Nabi Muhammad SAW melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 5546]

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2008) dalam membahaskan hadith ini menyatakan bahawa penyerupaan tersebut adalah penyerupaan lelaki mahu pun perempuan dari aspek yang dikhususkan bagi kaum tersebut yang meliputi aspek pakaian dan perhiasan termasuklah gaya percakapan dan gaya berjalan. Namun begitu, pengecualian diberikan kepada mereka yang sudah menjadi tabiat dengan syarat berusaha sedaya upaya bagi meninggalkan perbuatan tersebut. Dapat difahami daripada hadith ini bahawa umat Islam dilarang berperilaku menyerupai jantina yang berlainan daripada ciptaan asal dari segala sudut.

Selain daripada itu, statistik Kementerian Kesihatan menerusi Sektor HIV atau Penyakit Jangkitan Kelamin (STI), Bahagian Kawalan Penyakit pada 2017 menunjukkan 1,697 individu yang mengamalkan seks songsang seperti homoseksual dan biseksual ialah sebahagian daripada 3,347 kes, merupakan penghidap HIV baharu. Golongan yang mencatatkan kumpulan tertinggi dijangkiti HIV adalah lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) iaitu mewakili kira-kira 50 peratus kes baharu yang dilaporkan sepanjang 2017 (Azizi, 2018).

## 2. Sorotan Literatur

Permasalahan kecelaruan seksual dan jantina menjadi satu titik perbezaan yang ketara antara sarjana Islam dan Barat kerana Islam melarang secara total perbuatan homoseksual yang disebut sebagai ‘*al-Liwāt*’ bagi hubungan sejenis antara lelaki (gay) dan ‘*al-Sīhāq*’ bagi hubungan sejenis antara perempuan (lesbian) sedangkan Barat menjadikannya sebagai amalan kebiasaan dalam menterjemahkan keinginan seks sesama mereka (Mohd Izwan, 2016). Manakala transeksual pula merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) membawa erti seseorang sama ada lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantinanya melalui pembedahan. Golongan ini juga keliru dengan identiti mereka sehingga mendakwa bahawa mereka terperangkap dalam tubuh lelaki atau sebaliknya lantas mendorong mereka berkelakuan seperti jantina yang diingini oleh naluri mereka yang bertentangan dengan jantina secara biologi (Arif Ariffin, 2019).

Dalam membahaskan amalan songsang LGBT ini, para ilmuwan berbeza pandangan dalam mengkategorikannya sebagai sebuah penyakit jiwa mahu pun sesuatu yang bersifat ‘*inter personal*’ dalam mengendalikan kehendak nafsu (Mohd Izzat et. al, 2018). Namun begitu, Yuhana et. al. (2015) dalam kajian mereka berpandangan bahawa isu kecelaruan jantina ini sering juga dikaitkan dengan ‘*Gender Identity Disorder*’ (GID) dari aspek perubatan yang mengklasifikasikan golongan lelaki lembut ini sebagai suatu

jenis penyakit mental bersandarkan kepada manual perubatan bagi sebarang jenis penyakit mental iaitu *Diagnostic and Statistical Manual for mental Disorder* (DSM IV-TR) yang perlu dirawat.

Marziana dan Mimi Sofiah (2014) dalam penulisan mereka mengutarkan beberapa faktor permasalahan seksualiti ini. Antaranya ialah pengaruh didikan ibubapa dalam membesarkan anak-anak mereka dan pengaruh persekitaran keluarga yang secara langsung mempengaruhi identiti mereka. Perkembangan media yang memungkinkan perhubungan antara mereka dalam merancang aktiviti bersama serta pemilihan rakan sebaya turut mendorong mereka terjebak dalam budaya songsang ini. Tidak kurang juga yang menjadikan gejala transeksual ini sebagai punca pendapatan. Peranan media yang menyiaran rancangan-rancangan fesyen, andaman, solekan serta model-model lelaki dan wanita yang turut mendorong mereka untuk berperilaku sebagai lelaki lembut. Lebih-lebih lagi apabila tindakan mereka mendapat sokongan daripada rakan-rakan mereka (Izhar Ariff & Diani Mardina, 2016). Manakala Ahmad et. al. (2015) menambah, amalan keagamaan yang sangat lemah dalam kalangan remaja menjadi faktor dominan kepada mereka untuk terpengaruh dengan kehidupan homoseksual (lesbian) di samping faktor-faktor lain seperti pengalaman negatif dengan pasangan heteroseksual dan konflik dalaman keluarga.

Selain daripada itu, kajian oleh Sarah Low (2018) menunjukkan bahawa pergerakan mak nyah semakin menjadi-jadi apabila terdapat tiga kelab malam di Lembah Klang yang bertindak mengupah penari-penari mak nyah yang memiliki bentuk badan yang hebat hasil pembedahan implan payudara bagi melakukan persembahan Tarian Kabaret mak nyah. Tarian ini juga menjadi satu daya penarik utama kelab malam di Lembah Klang. Agenda politik dankekangan agama yang merupakan penghalang golongan ini daripada mengekspresikan diri mereka secara terbuka menyebabkan mereka memilih persembahan kabaret yang terdiri daripada tarian, muzik dan perarakan dengan mengenakan pakaian seperti sari, kebaya dan cheongsam sebagai medium bagi mempamerkan identiti mereka. Siti Hajar (2018) menyatakan bahawa isu LGBT di Malaysia mendapat sokongan dan dokongan aktivis sosial oleh kerana penularan ideologi sekularisme barat yang mula meresap masuk ke dalam diri masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda.

### 3. Definisi Mak Nyah

#### 3.1 Bahasa

Dari sudut bahasa, mak nyah merupakan suatu bentuk panggilan yang diberikan kepada golongan pondan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2019). Mereka juga dikenali dengan istilah transeksual dan *transvestite* (Arif, 2019) iaitu seseorang yang merasakan diri mereka memiliki jantina yang berlawanan dari sudut emosi dan juga psikologi (Oxford Dictionary, 2019) serta berkeinginan untuk berpenampilan seperti jantina yang berlainan dari jantina asal (Arif, 2019).

Mereka juga dipanggil dengan gelaran bapok, darai, *girlie*, *doll* dan sotong (Mohd Khairul Anwar, 2015). Manakala dalam *Mu'jam al-Wasīt*, mak nyah adalah golongan yang disebut sebagai '*Mukhannath*' iaitu seseorang lelaki yang lembut dan keperempuanan. Mereka juga disebut sebagai '*khānith*'. Ibn al-'Abidīn menyatakan, *al-Mukhannith* (huruf nun berbaris bawah) ialah '*al-Liwaṭī*' (al-Zayāt, et. al, 2011). Dalam lajhah '*ammiyyah*', golongan ini dipanggil sebagai '*al-Banātī*' (Zakaria, 2019). Secara literalnya, *mukhannath* ialah seorang lelaki yang mempunyai nada suara seperti suara wanita dan berkelakuan lembut seperti wanita (Ibn Manzūr, 1414H).

#### 3.2 Istilah

Dalam kitab *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, *al-Mukhannath* bermaksud seseorang lelaki yang menyerupai perempuan dalam segala bentuk gerak-gerinya secara semulajadi mahu pun yang dibuat-buat (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1996). Imam al-Shāfi'i dalam *al-Mughnī al-Muḥtāj* menyatakan *al-Mukhannath* sebagai seseorang yang berperwatakan dengan perwatakan perempuan dalam pergerakan dan gaya penampilannya (Khaṭīb al-Sharbinī, 1997).

Mak nyah yang dikenali juga dengan istilah *transgender* mula dipopularkan oleh Virginia Prince pada akhir 1970-an yang merujuk kepada seseorang yang tidak menginginkan kepada pengesahan jantina melalui intervensi perubatan dan/atau seseorang yang menganggap bahawa mereka terjatuh antara dua jantina (Gerald P. Mallon, 2009). Transgender juga merupakan istilah yang memayungi individu yang mengalami kekeliruan antara jantina biologi asal mereka dengan identiti gender, ekspresi atau tingkah laku yang dirasakan tidak sesuai (American Psychological Association, 2019). Menurut Norafifah et. al. (2015), golongan ini adalah suatu golongan yang mengalami kekeliruan emosi dalam menentukan identiti mereka dan berusaha menukar identiti seksual daripada jantina asal kepada jantina yang berlawanan seperti yang dirasakan oleh mereka. Tidak terbatas kepada berpenampilan silang jantina sahaja, bahkan Mohd Izzat (2018)

menambah bahawa golongan ini memiliki kecenderungan seksual kepada jantina sejenis.


### 3.3 Psikologi

Dalam membicarakan perihal mak nyah, satu dimensi yang tidak dapat dipisahkan adalah perbahasan mak nyah dari aspek psikologi. Mak nyah sering dikaitkan dengan sebuah terminologi psikologi yang disebut sebagai *Gender Identity Disorder* (GID) iaitu gangguan identiti jantina. Yuhanza et. al. (2015) dalam artikel mereka menjurus untuk mengklasifikasikan GID sebagai sebuah penyakit mental berasaskan kepada senarai kategori F dalam *International Classification of Disease (Versi 10)* yang menjadi manual rujukan para doktor bagi mengklasifikasikan sebarang jenis penyakit mental yang dihasilkan oleh *American Psychiatric Association* (APA) iaitu *Statistical Manual for Mental Disorder* (DSM IV –TR). Namun begitu, dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM-5) edisi ke-5, seseorang yang memiliki jantina kelahiran yang bertentangan dengan jantina keinginan mereka kini akan didiagnos sebagai *Gender Dysphoria* (GD). Bagi APA, peralihan istilah ini adalah bagi mengelakkan stigma dan memastikan penjagaan klinikal terhadap golongan ini (American Psychological Association, 2019).

Walaupun demikian, perkara ini perlu dibezakan melalui ujian-ujian klinikal bagi mengesahkan perkara ini sama ada ia adalah sebuah penyakit GD yang menyumbang kepada kecelaruan identiti atau pun hanya sekadar kecenderungan menjadi wanita oleh kerana pengaruh persekitaran atau pun ikutan trend semasa. Hal ini demikian kerana, terdapat perbezaan pandangan yang dilontarkan oleh para pengamal perubatan terhadap kebolehpercayaan diagnosis tersebut kerana ia bersifat tidak saintifik. Malah terdapat juga yang berpandangan bahawa ia bukanlah suatu penyakit tetapi pilihan individu dalam mengendalikan keinginan mereka (Yuhanza, et. al, 2015).

Selain itu, mak nyah turut sinonim dengan istilah transeksual atau disebut juga sebagai *transvestite* (Arif, 2019). Transeksual adalah golongan utama dalam kategori transgender yang merasakan bahawa identiti jantina mereka adalah berlawanan dengan jantina biologi mereka dan mereka mengambil pendekatan menukar jantina yang diingini oleh mereka melalui pengambilan hormon atau pun pembedahan jantina. Berbeza dengan *transvestite* yang hanya berkehendak kepada berpakaian dan berpenampilan silang jantina dan tidak memerlukan kepada sebarang pertukaran jantina. Kelompok ini juga dipanggil sebagai *cross-dresser* (Mohd Khairul Anwar, 2014). Manakala *drag-queen* pula adalaah kategori mak nyah yang berpakaian wanita bagi tujuan hiburan (Mohd Khairul Anwar, 2019).

### Carta 1.0 Pembahagian Kategori Transgender



(Sumber: Syuhada Subri, 2019)

Terma-terma ini juga berbeza dengan istilah *hermaphrodite* atau kini menggunakan terma *intersex* (khunsa). *Intersex people* adalah sesuatu yang berkait rapat dengan keadaan biologi seseorang dari aspek genetik, hormon dan keadaan fizikal yang tidak hanya terbatas pada satu kategori lelaki atau perempuan sahaja, bahkan melibatkan kedua-dua jantina yang tidak jelas untuk ditentukan. Keadaan ini membolehkan mereka untuk menonjolkan diri mereka dalam ciri-ciri sekunder seksual seperti jisim otot, pertumbuhan rerambut, payu dara dan badan serta ciri-ciri seksual seperti organ-organ pembiakan dan kemaluan sama ada menerusi struktur kromosom mahu pun hormone (Agius & Tobler, 2012).

## 4. Perkembangan Mak Nyah di Malaysia

### 4.1 Permulaan

Menyingkapi sejarah dan perkembangan mak nyah di Malaysia, golongan ini merupakan pencetus kepada kewujudan golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) pada peringkat awal di Malaysia iaitu sekitar tahun 1980-an (Siti Hajar, 2015). Gejala transeksual yang berlaku pada peringkat awal perkembangan golongan ini adalah melibatkan tindakan mereka yang mengenakan *make-up* dan berpakaian dan bertingkah laku silang jantina dari gaya berjalan, percakapan dan gerak-geri.

Mereka juga mengambil ubat yang berupa pil hormon daripada kedai-kedai runcit Cina dan peniaga runcit dengan tujuan membesarlu buah dada dan mencantikkan kulit. Menurut Wan Azmi (1991), sebanyak 76.71 peratus mencatatkan pengambilan ubat tersebut oleh golongan mak nyah pada ketika itu. Isu pembedahan pertukaran jantina bagi melengkapkan keinginan dan naluri keperempuanan turut timbul pada ketika itu (Rosdiana, et. al, 2018).

Rentetan daripada itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah memfatwakan bahawa pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah diharamkan

melainkan seseorang yang dilahirkan sebagai “*khunsa musykil*” (JAKIM, 2015). Perkara ini mendapat reaksi dan respon yang berbeza-beza daripada golongan mak nyah ini. Berikut merupakan ketetapan Majlis Fatwa Kebangsaan (JAKIM, 2015):

- i. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak.
- ii. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
- iii. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
- iv. Seseorang yang dilahirkan “*khunsā mushkil*” iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluhan lelaki dan perempuan, diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Realiti kehidupan mak nyah pada peringkat awal kewujudan golongan ini di Malaysia memperlihatkan aneka diskriminasi terhadap golongan ini yang menyebabkan mereka terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah yang mencengkam kehidupan mereka. Dalam aspek pekerjaan, mereka tiada peluang pekerjaan oleh kerana fizikal mereka yang bertentangan dengan status kad pengenalan dan keadaan tersebut tidak selari dengan kehendak majikan.

Justeru, mereka tidak ditawarkan pekerjaan melainkan yang bernasib baik tidak diketahui oleh pihak majikan mereka. Lantaran itu, golongan ini sukar mendapatkan rawatan kesihatan yang sempurna dan dipandang serong oleh pihak-pihak tertentu serta sering ditertawakan termasuklah hal penempatan wad di hospital sama ada wad lelaki mahu pun wanita sehingga menyebabkan berlaku kes seorang mak nyah warga India membunuh diri (Wan Azmi, 1991).

Selain daripada itu, mereka turut tidak mendapat tempat di pusat-pusat latihan bagi program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, badan berkanun atau swasta. Mereka juga berhadapan dengan diskriminasi dan penganiayaan oleh pelbagai pihak termasuklah pegawai polis, pegawai Jabatan Agama Negeri, orang awam, pekerja sektor kesihatan, pegawai penjara, guru dan pentadbir sekolah.

Mereka juga mendakwa bahawa pihak kerajaan, ahli politik dan agamawan tidak memberikan perlindungan kepada mereka bahkan bertindak menyalakan bibit-bibit permusuhan dalam kalangan masyarakat yang *transphobia* dan *homophobia* (Human Rights Watch, 2014). Keadaan ini dilihat masih berterusan hingga detik ini malah semakin agresif berbanding

suatu ketika dahulu yang dikatakan lebih progresif dan *less discriminatory* (Human Rights Watch, 2014). Sa'dan et. al. (2018) menambah bahawa golongan ini tidak berani untuk keluar ke tempat umum kerana bimbang dimalukan dan dikenakan tindakan oleh pihak agama berikutan fatwa yang melarang lelaki memakai pakaian perempuan Sa'dan, et. al, (2018).

Kini, komuniti ini turut bernaung di bawah gerakan LGBT yang kian mengorak langkah mengukir sejarah permasalahan sosial dalam negara dengan peningkatan jumlah pelaku yang majoritinya adalah merupakan penganut agama Islam (Marziana & Mimi, 2014). Berikutan daripada fenomena tersebut, satu fatwa yang mengharamkan LGBT sebagai perlakuan haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup di Malaysia telah dikeluarkan menerusi Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 (Siti Hajar, 2015).

Berikut merupakan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam berkaitan kecelaruan gender berhubung perkembangan fenomena ini di Malaysia (JAKIM, 2019):

Jadual 1.0 Peringkat-peringkat Fatwa Kebangsaan Berhubung  
Isu Kecelaruan Gender di Malaysia

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Perkara</b>
1.	1982	Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan
2.	1989	Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam
3.	2005	Hukum Menukar Status Jantina Di MyKad
4.	2006	Isu Kekeliruan Jantina <i>Congenital Adrenal Hyperplasia Dan Testicular Feminization Syndrome</i>
5.	2008	Hukum Wanita Menyerupai Lelaki ( <i>Pengkid</i> )

(Sumber: e-SMAF, Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>)

#### **4.2 Organisasi**

Penubuhan organisasi adalah satu perkara yang penting dalam memastikan wawasan yang ingin dicapai dapat dilakukan secara sistematik dan berpusat. Komuniti mak nyah di Malaysia mencatatkan sejarah ulung apabila Persatuan Pondan yang ditubuhkan oleh Encik Wan Azmi pada tahun 1986 menjadi pertubuhan ulung bagi komuniti ini di Malaysia dan di Asia. Penubuhan persatuan ini merupakan cetusan idea dan saranan daripada Encik Wan Azmi ketika Majlis Dialog Mak Nyah dengan Agensi-Agenzi Kerajaan yang diadakan pada 17 Mac 1986 bagi membolehkan golongan mak nyah pada ketika itu memperbaiki dan melalui kehidupan yang lebih positif (Wan Azmi, 1991).

Majlis yang dihadiri oleh beberapa agensi kerajaan dan komuniti mak nyah dalam membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan permasalahan-permasalahan yang dialami oleh komuniti mak nyah telah bersetuju untuk menubuhkan persatuan yang dinamakan sebagai “Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan” sekaligus melantik Ahli-ahli Jawatankuasa sementara menggunakan kaedah undian serta perbincangan yang mendalam mengenai perlembagaan persatuan serta beberapa perkara berbangkit (Wan Azmi, 1991).

Pada peringkat awal pertubuhan persatuan ini, beberapa siri ceramah dan pertemuan diadakan di antara ahli-ahli persatuan dengan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Agama, Jabatan Penyakit Jiwa, PERKIM, Dewan Bandaraya, pihak polis dan ahli profesional. Aktiviti kemasyarakatan turut diadakan oleh ahli-ahli persatuan ini seperti majlis kesyukuran dan khidmat masyarakat di Rumah Orang Tua Cheras dan Wad Psikiatrik, Hospital Besar, Kuala Lumpur (Wan Azmi, 1991). Walau bagaimana pun, menurut Teh Yik (2002), persatuan yang ditubuhkan pada 1980an telah diharamkan oleh majlis agama.

Ekoran daripada isu-isu berterusan yang melibatkan golongan ini di Malaysia, maka muncul pihak-pihak tertentu dalam membela nasib golongan ini bagi menyuarakan hak-hak mereka secara lantang. Menurut Khairul Anwar (2015), badan-badan hak asasi tempatan yang menjadi tulang belakang kepada kumpulan ini dan LGBT secara amnya ialah Majlis Peguam Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (Empower), Yayasan PT (PT Foundation) dan sebagainya yang mendapat sokongan langsung daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (Mohd Khairul Anwar, 2015; Siti Hajar, 2018; JAKIM, 2013).

Antara persatuan yang ditubuhkan ialah Persatuan “Pink Triangle” yang berpusat di Kuala Lumpur (Marziana & Mimi, 2014). Persatuan “*Pink Triangle*” (PT Foundation) di Kuala Lumpur membawa misi membantu golongan ini dalam perihal kesihatan dan memberi ruang kepada mereka untuk mendapatkan khidmat kesihatan terutamanya berkaitan penyakit HIV/AIDS. Namun begitu, persatuan yang berbentuk sokongan sosial ini dalam masa yang sama, didapati turut memperjuangkan hak-hak golongan ini yang mengukuhkan lagi identiti transeksual termasuk juga golongan lesbian, gay, dan biseksual dalam kosa kata LGBT secara amnya (Suriati, et. al, 2013; Marziana & Mimi, 2014).

Selain itu, pertubuhan yang giat mengangkat suara komuniti ini ialah pertubuhan *Justice for Sister* (JFS) yang dikemudi oleh Nisha Ayub, seorang aktivis transgender di Malaysia. Beliau juga merupakan pengasas bersama bagi pertubuhan SEED Foundation bagi membantu golongan transgender dan golongan tersisih yang lain. JFS ditubuhkan bagi menyediakan bantuan perundangan kepada golongan transgender dan bertujuan untuk menghentikan penganiayaan terhadap golongan LGBT (Sa'dan, at. al, 2018).

Pergerakan JFS ini dapat dilihat menerusi isu-isu dan kes-kes yang melibatkan komuniti transgender dan perjuangan mereka di mahkamah-mahkamah berhubungkait dengan tuntutan hak mereka yang bertentangan dengan perundangan Syariah.

#### **4.3 Aktiviti & Tuntutan**

Aktiviti perekonomian mak nyah di Malaysia adalah melibatkan aktiviti pelacuran, penghibur kelab-kelab hiburan, salun, pusat kecantikan dan butik. Tidak kurang juga yang bekerja di sektor swasta dan kedai-kedai makan bagi menyara kehidupan mereka (Hasnan, et. al, 2008). Hasnan et. al. (2008) memetik kajian oleh Lukman Z. Mohamad (2002) menunjukkan penglibatan mak nyah dalam aktiviti pelacuran adalah bertujuan untuk menampung kos kehidupan mereka, untuk tujuan keseronokan, tiada pilihan pekerjaan serta untuk kepuasan seks. Mereka ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan (Hasnan, et. al, 2008).

Menurut Dr. Salmiah, Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Seremban, majoriti golongan transgender adalah *sex-worker* sekaligus menjadi ‘*driver*’ kepada penyebaran virus HIV dan AIDS. Kebanyakan mereka mengambil dadah sebelum melakukan hubungan seks sebagai satu picu kekuatan kepada mereka. Kini mereka terdedah kepada fenomena baru iaitu “*Chemsex*” atau “seks parti” iaitu seks di bawah pengaruh dadah. Pengambilan dadah *psychotropic* sebelum melakukan seks dalam kalangan transgender adalah sebanyak 24.1% pada tahun 2014 dan 26.9% dalam kalangan MSM (Salmiah, 2019). Kajian oleh Sin How Lim et. al. (2018) juga membuktikan bahawa penggunaan dadah jenis *amphetamine-type stimulants* (ATS) dan *crystal methamphetamine* (MA) sebagai bahan perangsang telah meningkat sejak 10 tahun yang lalu di negara Malaysia dan Malaysia mencatatkan purata kelaziman penggunaan dadah untuk tujuan seksual dalam kalangan MSM adalah dari 7.0%.

Selain itu, satu lagi fenomena dalam kalangan mak nyah ialah Tarian Kabaret. Persembahan tarian kabaret mak nyah ialah persembahan yang terdiri daripada tarian, lagu-lagu yang popular, *miming* dan komedi dengan lengkok badan dan pakaian yang menjolok mata. Persembahan kabaret ini mula muncul pada tahun 1980an di Lembah Klang akibat undang-undang Syariah yang tidak terlalu ketat seperti di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Pada ketika itu, tarian ini adalah platform kepada mereka dalam mengekspresikan naluri keperempuanan mereka. Kajian oleh Sarah Low (2018) mendapati terdapat lapan kelab malam di sekitar Lembah Klang yang menyediakan persembahan kabaret ini. Penari mak nyah kebiasaannya mengenakan *make-up* yang tebal, memakai rambut palsu yang panjang, bulu-bulu atau pun mahkota, gaun yang ketat yang menampakkan bentuk badan

mereka dan memakai kasut bertumit tinggi tidak kurang dari 5 inci. Fenomena ini selari dengan kajian Norafifah et al (2015) yang menyatakan bahawa perkara utama yang melibatkan golongan transeksual di Malaysia ialah berpakaian silang jantina dan penukaran jantina (Norafifah, 2016).

Golongan yang pada asalnya merupakan sebuah kumpulan minoriti tersisih kini menjadi sebuah gerakan sosial yang bangkit menuntut hak kebebasan sebagaimana yang dikecapi oleh masyarakat awam (Siti Hajar, 2018). Antara hak yang diperjuangkan oleh golongan mak nyah ialah:

**a) Hak Privasi**

Isu privasi ini timbul lantaran daripada operasi serbuan dan tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa ke atas golongan mak nyah yang memakai pakaian silang jantina serta perhubungan songsang sama ada yang dibuat di khalayak ramai mahu pun tempat tertutup. Kelompok ini mendakwa bahawa undang-undang yang mengekang mereka ini adalah melanggar hak privasi mereka (Mohd Khairul Anwar, 2015).

**b) Hak Kebebasan**

Hak kebebasan adalah satu bentuk hak asasi yang terangkum dalam perundangan negara. Oleh kerana golongan ini menghadapi kekangan dalam mengekpresikan naluri keperempuanan dan orientasi seksual mereka, maka mereka bertindak dengan menuntut hak kebebasan seperti mana yang dimiliki oleh masyarakat awam dan golongan heteroseksual. Hal ini adalah ekoran daripada kes penangkapan empat orang mak nyah di Negeri Sembilan yang menyalahi warta berkenaan larangan memakai pakaian berlainan jantina. Kes ini boleh disifatkan sebagai ‘*trigger point*’ kepada perjuangan mereka dalam menuntut hak kebebasan setelah kes mereka menang di peringkat Mahkamah Rayuan pada 7 November 2014 apabila panel hakim sebulat suara menyatakan bahawa perundangan Syariah tersebut adalah tidak berperlembagaan. Selain itu, mereka juga menuntut kebebasan dalam menyintai sesiapa sahaja yang diingini (sesama jantina) dan kebebasan untuk berhimpun, bergerak dan bersuara (Mohd Khairul Anwar, 2015).

**c) Hak Pendaftaran Identiti Gender**

Hak ini secara rasmi merupakan antara hak yang diperjuangkan oleh kebanyakan golongan mak nyah di Malaysia. Tuntutan ini berlaku setelah mereka menjalani proses *sex reassignment surgery* lantas ingin menukar status jantina mereka dalam kad pengenalan. Namun begitu, Majlis Fatwa yang bersidang pada 14 April 2005 telah mengharamkan penukaran status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan yang bertentangan dengan syarak (JAKIM, 2015). Perkara ini turut mendapat sokongan dan hasil gabungan kerjasama daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara sehingga proses penukaran status jantina bagi golongan mak nyah

menjadi semakin sulit. Keadaan tersebut telah mendesak mereka untuk bertindak dengan mencabar proses tersebut di mahkamah perundangan negara. Berikut merupakan beberapa contoh kes permohonan penukaran jantina di MyKad (Mohd Khairul Anwar, 2015):

Jadual 1.0 Contoh Kes Permohonan Penukaran Jantina di MyKad

Tahun	Kes	Status Permohonan
2005	Kes Wong Chiou Yong vs. Pendaftar Besar/Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara	Gagal
2005	Kes JG vs. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara	Lulus
2010	Kes Kristie Chan vs. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara	Gagal
2011	Kes Aleesha Farhana Abdul Aziz vs. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara	Gagal

(Sumber: Mohd Khairul Anwar Ismail, Suami Gay Isteri Mak Nyah: Nafsu Songsang Terlaknat)

## 5. Kesimpulan

Golongan mak nyah pada permulaannya agak terpencil dan bersifat individu di Malaysia, kini telah berkembang menjadi satu organisasi yang tersusun bagi memperjuangkan hak-hak mereka. Mereka juga turut disokong oleh organisasi-organisasi hak asasi manusia tempatan atau luar negara yang turut memperkuatkan lagi identiti mereka.

Selain itu, mak nyah juga pada awalnya dikategorikan sebagai penyakit psikologi, kini telah membentuk ideologi-ideologi mereka yang tersendiri. Hal ini menjadikan mereka semakin teguh dengan kepercayaan mereka sehingga sukar untuk dipulihkan serta semakin berani menonjolkan perlakuan songsang mereka di khalayak ramai. Antara organisasi yang giat memperjuangkan hak-hak golongan ini adalah “*Pink Triangle*” (PT Foundation) dan *Justice for Sister* (JFS). Melalui platform yang ditubuhkan, beberapa tuntutan seperti hak privasi, hak kebebasan dan hak pendaftaran identiti gender telah diperjuangkan oleh golongan mak nyah di Malaysia.

Respon terhadap senario tersebut, beberapa fatwa telah diputuskan oleh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam yang berkaitan dengan mak nyah. Antaranya, “Kedudukan Mak Nyah dalam Islam (1989)” dan “Isu Kekeliruan Jantina *Congenital Adrenal Hyperplasia* Dan *Testicular Feminization Syndrome* (2006)”.

Tuntasnya, faktor-faktor yang dinyatakan di atas telah menyumbang kepada peningkatan bilangan golongan ini di Malaysia. Lebih membimbangkan lagi, sebahagian besar daripada mereka yang terlibat adalah orang Melayu yang beragama Islam. Hal ini boleh memberi implikasi buruk

kepada agama dan bangsa, malah boleh mengundang kemurkaan Allah SWT lantaran perlakuan ini dilarang oleh Allah SWT.

Oleh yang demikian, perhatian khusus perlu diberikan oleh pihak-pihak berwajib seperti kerajaan, institusi agama dan badan bukan kerajaan bagi menangani perkembangan golongan ini dan memulihkan mereka yang terlibat supaya kembali kepada fitrah yang asal.

## Rujukan

- Al-Bukhārī; Muhammad Ibn Ismā‘īl. (2000). “Ṣahīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. ed. Ṣāliḥ bin Abd al-‘Azīz bin Muhammad bin Ibrāhīm Āl al-Shaykh. Riyād: Dār al-Salām.
- Al-Zayat, et al. (2011). *Al-Mu’jam al-Wasit*, cet. Ke-5, Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Dauliyyah.
- American Psychiatric Association (APA). (2019). “Gender Dysphoria” dalam DSM-5. dicapai pada 30 Sept 2019, file:///C:/Users/user/Downloads/ APA\_DSM-5-Gender-Dysphoria.pdf.
- Amran Hassan, et. al. (2013). “Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial”. *Jurnal Perspektif*, 5(1): 39-52.
- Ann Wan Seng & Haslina Hassan. (2018). *Konsiprasi Gerakan Songsang LGBT: Satu Gerakan Yang Menghancukan Peradaban Manusia*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Arif Arifin. (2019). *Khunsa & Transeksual: Identiti, Undang-undang Dan Hukum Menurut Islam*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd.
- Audrey Dermawan. (2019). “Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM”. laman sesawang BH Online, dicapai 19 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>.
- Azizi Ayob. (2018). “Peranan Doktor Tangani Seks Songsang LGBT, Banteras HIV”. laman sesawang BH Online. dicapai 31 Disember 2018. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/465401/peranan-doktor-tangani-seks-songsang-lgbt-banteras-hiv>.
- Badan Peguam Malaysia. (2019). “JG vs. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara 2005”. laman rasmi The Malaysian Bar. Dicapai pada 21 Okt 2019. [https://www.malaysianbar.org.my/selected\\_judgements/jg\\_v\\_pengarah\\_jabatan\\_pendaftaran\\_negara\\_2005\\_hckl.html](https://www.malaysianbar.org.my/selected_judgements/jg_v_pengarah_jabatan_pendaftaran_negara_2005_hckl.html) <http://www.kehakiman.gov.my/judgment/file/A-01-84-2011.pdf>.
- Chang Lee Wei et. al. (2012). “Transgenderism in Malaysia”. *Journal of Dharma: Dharmaram Journal of Religious and Philosophies* 37(1): 79-96.
- Gerald P. Mallon. (2009). *Social Work Practice With Transgender And Gender Variant Youth*, Cet. Ke-2. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hasnan bin Kasan, et. al. (2008). “Kecelaruan Jantina: Penyelesaiannya Menurut Islam”, *Jurnal Penyelidikan Islam*, 21: 123-136.
- Human Rights Watch. (2014). “I’m Scared to Be a Woman”: *Human Rights Abuses Against Transgender People in Malaysia*. United States of America: Human Rights Watch. i-vi, [https://www.hrw.org/sites/default/files/reports/malaysia0914\\_ForUpload.pdf](https://www.hrw.org/sites/default/files/reports/malaysia0914_ForUpload.pdf)
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2008). *Fathul Baari*. ed. Abu Rania. Jakarta: Pustaka Azzam.

- Ibn Manzūr, Muhammad Ibn Mukrim Ibn Manzur. (1414H). *Lisān al-Arab*, cet. Ke-3. Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, cet. ke-5. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2019). “Fatwa/Pandangan Hukum, e-SMAF”. laman web rasmi JAKIM. dicapai pada 16 Oktober 2019, <http://esmaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>.
- Kamaruzaman Yusuf, et. al. (2005). *Fenomena dan Tingkahlaku Pondan di Daerah Kuala Terengganu*. Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.
- Khaṭīb al-Sharbinī, Muhammad bin Muhammad. (1997). *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifāt Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. ed. Muhammad Khalīl 'Itanī. Beirūt: Dār al-Ma'rifah.
- Mahfudzah Mohamad. (2015). “Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah”, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19: 29-36.
- Marziana Abd. Malib & Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. (2014). “Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?”, *Journal of Business and Social Development*, 2(2): 48-61.
- Mohd Izzat Amsyar, et. al. (2018). “Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan”. *Journal of Advance Research in Social and Behaviour Sciences*, 13(1): 19-34.
- Mohd Khairul Anwar Ismail. (2015). *Suami Gay Isteri Mak Nyah: Nafsu Songsang Terlaknat*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Norafifah binti Ab Hamid, et. al. (2015). “Gejala Transgender Di Malaysia: Sorotan Awal Kajian Dari Perspektif Islam Dan Undang-undang Di Malaysia”. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 27. ed. Mohamad bin Saari, cet. ke-2. Putrajaya: JAKIM.
- Oxford Dictionary. (2019). dicapai pada 17 Sept 2019. <https://www.lexico.com/en/definition/transsexual>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2019). dicapai pada 17 September 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=mak+nyah>.
- Puteri Hayati & Nurul Hudani. (2015). “Latarbelakang, Faktor Pengekalan dan Pandangan Terhadap Tingkah Laku Mahasiswa Lelaki Keceluaran Identiti Gender”. *Southeast Asia Psychology Journal*, 1: 1-17.
- Rosdiana Onga, et. al. (2018). “Fatwa Pembedahan Pertukaran Jantina di Malaysia”. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*: 49-61.
- Sa'dan A.A, et. al. (2018). “A Preliminary Study on Transgender Issues: A Case Study on Justice for Sister (JFS) as a New Social Movement in Malaysia”. dalam *Proceedings 3rd International Seminar on Islamic Thought*, ed. Mohd Haidhar dan Ahmad Sunawari. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Sarah Low May Poh. (2018). “Mak Nyah Cabaret Dance Perfomance at Three Nightclubs In Klang Valley.” Disertasi, Pusat Budaya, Universiti Malaya.
- Silvan Agius & Christa Tobler. (2012). *Trans and Intersex People*. Luxembourg: European Union.
- Sin How Lim, et. al. (2018). “The Management of Methamphetamine Use in Sexual Settings Among Men Who Have Sex With Men in Malaysia”. *International Journal of Drug Policy*, 55: 256-262.
- Siti Hajar Jamal. (2018). “Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial”. Prosiding, Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

## Mak Nyah Dan Perkembangannya di Malaysia

- Suhaya Deraman, et. al. (2011). “Identifikasi Identiti Biseksual dan Hubungannya dengan Aspek Sokongan Sosial dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Individu Biseksual di Melaka”, *al-Hikmah*, 9(2): 113-130.
- Suriati Ghazali, et. al. (2011). “Infrastruktur Komuniti dan Hubungannya Dengan Golongan Transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia”. *Jurnal Kemanusiaan*, 18: 77-95.
- Teh Yik Koon. (2002). *The Mak Nyahs: Malaysian Male To Female Transsexuals*. Singapura: Eastern Universities Press.
- U.S. Embassy Malaysia. (2019). “Nisha Ayub among recipients of 2016 U.S. International Women of Courage Award”. laman web rasmi *U.S. Embassy in Malaysia*. dicapai pada 18 September 2019, [https://my.usembassy.gov/pr\\_nisha\\_ayub\\_iwc/](https://my.usembassy.gov/pr_nisha_ayub_iwc/).
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema Mak Nyah: Suatu Ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Wuzārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah. (1996). *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Tiba’ah Zat al-Salasil.
- Yuhanza, et. al. (2015). “Lelaki Berpakaian Seperti Perempuan: Antara *Gender Identity Disorder*, Undang-Undang Syariah Dan Perlembagaan Malaysia”. Proceedings, 1<sup>st</sup> International Islamic Heritage Conference (ISHEC), 11-12 November 2015. dalam *Islamic Heritage Leads The Transformation Of The Ummah*. ed Hasan Bahrom et al. Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka.
- Zakaria Khanji. (2019). Ḥadīth ‘an Zahrāt al-Tashabbuh bi al-Rijāl wa al-Tashabbuh bi al-Nisā’. laman sesawang *Akhbar al-Khalij*. dicapai pada 17 Sept 2019. <http://akhbaralkhaleej.com/news/article/1079338>.
- Zuraidah Abdullah, et. al. (2018). “Transgenderisme Di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam”. *Jurnal Afkar*, 20(2): 279-322.